

14  
SULIT

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM,  
PARLIMEN KETIGA BELAS

---

**PERTANYAAN** : **LISAN**

**DARIPADA** : **DATO' DR. NIK MAZIAN BIN NIK  
MOHAMAD  
[PASIR PUTEH - PAS]**

**TARIKH** : **3 APRIL 2018 (SELASA)**

**SOALAN NO.16**

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan berapakah jumlah perbelanjaan penganjuran dan pendapatan tajaan serta kutipan tiket Sukan SEA 2017.

15

**SULIT**

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Malaysia telah memperuntukkan sejumlah RM450 juta kepada Jawatankuasa Pengelola Malaysia (MASOC) bagi penganjuran Sukan SEA ke-29 dan Sukan Para ASEAN ke-9, Kuala Lumpur 2017 (KL2017). Jumlah ini merupakan jauh lebih rendah daripada jumlah keseluruhan yang digunakan pada edisi temasya yang lalu di Singapura.
2. Untuk makluman juga, penganjuran Temasya KL2017 adalah untuk mempromosikan semangat kesukanan dan mengeratkan persahabatan dalam kalangan negara serantau selain menjadi medan untuk negara-negara peserta dan serantau secara keseluruhannya untuk mencungkil bakat baru dalam acara yang dipertandingkan.
3. Perkara yang menjadi keutamaan adalah untuk berbelanja secara berhemah dan beberapa langkah penjimatan telah diambil bagi memastikan objektif temasya dapat dicapai tanpa mengeneipkan sebarang aspek utama.
4. Perbelanjaan yang digunakan juga diselia agar tidak melebihi peruntukan yang ditetapkan bagi memastikan perbelanjaan keseluruhan tidak tersasar daripada rancangan.

**SULIT**

5. Bagi penganjuran Sukan SEA ke-29 dan Sukan Para ASEAN ke-9 (KL2017) kali ini, tiada bangunan baru yang dibina untuk kegunaan temasya selain Velodrom Nasional untuk kegunaan acara berbasikal. Hanya pengubahsuaian dan pembaikpulihan kemudahan dilaksanakan untuk kegunaan sebagai lokasi pertandingan.
6. Dalam pada itu, bagi menyokong peruntukan yang sedia ada, Kementerian juga telah berjaya meraih jumlah tajaan sebanyak RM101,909,957.80 juta daripada 39 syarikat dari dalam dan luar negara yang terdiri daripada enam penaja Platinum, enam penaja Emas, sembilan penaja Perak dan 18 penaja Gangsa.
7. Jumlah wang tunai yang berjaya diperolehi daripada penajaan ini adalah sebanyak RM27,522,500 juta manakala jumlah nilai bagi tajaan barangan dan perkhidmatan adalah RM74,387,457.80 juta. Jumlah tajaan yang berjaya diperolehi telah melebihi sasaran KBS iaitu sebanyak RM80 juta.
8. Selain itu, Kementerian juga telah memperkenalkan program khas dalam mempromosikan KL2017 dengan penjualan Plat Khas 'RIMAU' yang mana buat masa ini telah mencatatkan jualan sebanyak RM1.6 juta.
9. Untuk jualan tiket KL2017, keuntungan bukanlah sasaran utama Kementerian. Tujuan utama jualan tiket ini adalah untuk mengawal jumlah kemasukan penonton ke dalam venue dan juga sebagai salah satu langkah keselamatan kepada penonton daripada sebarang musibah atau kemalangan sepanjang temasya berlangsung. Hasil

## **SULIT**

jualan tiket yang diterima adalah cukup untuk menampung kos pengoperasian jualan tiket.

10. Sukacita diumumkan bahawa Temasya KL2017 telah mencatatkan jumlah nilai media sebanyak RM903 juta berdasarkan kajian yang telah dilaksanakan oleh Nielsen Sports yang merupakan pakar dalam analisis dan pandangan dalam industri sukan. Jumlah penonton yang dicatatkan sebanyak 506 juta penonton sepanjang temasya berkenaan berlangsung seluruh dunia.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : TUAN ANYI NGAU [BARAM]**  
**TARIKH : 3.4.2018 (SELASA)**

Tuan Anyi Ngau [ Baram ] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan jumlah peruntukan kewangan mengikut tahun (sejak 2016) yang dibelanjakan untuk subsidi pengangkutan di bawah Program Penyeragaman Harga bagi kawasan P.220 Baram (tidak termasuk Kawasan Pentadbiran Bario) dan nyatakan cabaran-cabaran (jika ada) yang dihadapi pihak Kementerian.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

Jumlah peruntukan kewangan untuk melaksanakan program ini adalah sebanyak **RM210 juta** bagi tahun 2016, **RM178 juta** bagi tahun 2017 dan **RM170 juta** bagi tahun 2018. Daripada jumlah tersebut, kos program di kawasan parlimen P220 Baram adalah sebanyak **RM36,984,570.00** bagi tempoh 2016 hingga 2018.

Dalam melaksanakan Program ini, terdapat cabaran dari segi memastikan tiada ketirisan penghantaran barangan ke *Point of Sales* (POS) yang terlibat. Program ini melibatkan lebih daripada 4,000 POS yang berada di kawasan pedalaman yang jauh dan sukar dihubungi. Operasi pemantauan melibatkan kos yang tinggi dan sumber manusia yang ramai. Berdasarkan kedudukan kewangan dan sumber tenaga sedia ada, Kementerian hanya mampu memantau sebahagian sahaja POS. Di samping itu, Kementerian telah mengambil tindakan dengan melaksanakan pemantauan bersama agensi Kerajaan yang lain, Pihak Berkuasa Tempatan dan pemimpin-pemimpin tempatan bagi membendung ketirisan.